



## **JABATAN ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Aras 3 & 5, Menara Zakat, Jalan Telok Wanjah, 05200, Alor Setar, Kedah | Tel: 04-733 1740 | Faks: 04-731 6280

[Laman web : www.zakatkedah.com](http://www.zakatkedah.com) | [e-mel : info@zakatkedah.com](mailto:info@zakatkedah.com)

### **SYARAT-SYARAT DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE INDONESIA (IAIN)**

Syarat-syarat penerima (penuntut)

- Islam
- Lahir di Kedah atau menetap di Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun
- Pemohon tidak mendapat sebarang bentuk tajaan kewangan / biasiswa / pinjaman
- Sedang mengikuti pengajian di peringkat **IJAZAH PERTAMA SAHAJA**.
- Butiran peribadi yang lengkap diisi beserta salinan dokumen yang berikut
  - a) **Salinan kad pengenalan pemohon (pelajar)**
  - b) **Salinan kad pengenalan waris / penjaga**
  - c) **Surat pengakuan dari universiti**
  - d) **Keputusan peperiksaan (Sesi 2010/2011)**
- Semua dokumen di atas **WAJIB DISERTAKAN**
- Butiran diri dan dokumen yang lengkap perlu dihantar kepada wakil penuntut untuk dikemukakan kepada pihak universiti bagi tujuan pengesahan.
- **Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan bantuan.**
- Dermasiswa Pengajian Ke Indonesia akan dibuka selama **1 BULAN** bermula **6 SEPTEMBER 2011** hingga **6 OKTOBER 2011**.

## **PANDUAN MENGISI BORANG DERMASISWA MELANJUTKAN PENGAJIAN KE INDONESIA(IAIN)**

### **Panduan Mengisi Borang**

1. Pemohon perlu ke link berikut iaitu [www.zakatkedah.com/iptonline](http://www.zakatkedah.com/iptonline) untuk mengisi borang permohonan secara on-line.
2. Klik pada **PERMOHONAN BARU**
3. Pilih **JENIS BANTUAN** iaitu Dermasiswa Melanjutkan Pelajaran Ke INDONESIA
4. Baca syarat-syarat permohonan dengan teliti. Pemohon **WAJIB** menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan.
5. Isi dengan lengkap BUTIRAN DIRI merangkumi
  - Maklumat Pelajar
  - Maklumat Bapa / Ibu / Penjaga / Pasangan
  - Maklumat Tanggungan Bapa / Ibu / Penjaga / Pasangan
  - Maklumat Pengajian Pemohon
  - Maklumat Tambahan
6. Isi **KATA LALUAN**. (kata laluan dan pengesahan kata laluan mestilah sama dan pemohon diingatkan tidak lupa kata laluan yang dimasukkan)
7. Klik **SEMAK**. (untuk menyemak borang yang telah diisi)
8. Jika ada pembedaan pada butiran peribadi, klik **KEMASKINI**. Jika tidak ada, klik pada **SAH DAN HANTAR**. (pemohon diingatkan supaya menyemak dengan teliti maklumat butiran diri sebelum menekan butang Sah dan Hantar)
9. Kemudian setelah selesai klik pada **CETAK BORANG**.
10. Dermasiswa Pengajian Ke Indonesia akan dibuka selama **1 BULAN** bermula **6 SEPTEMBER 2011** hingga **6 OKTOBER 2011**.
11. Borang dan dokumen yang lengkap perlu dihantar kepada wakil penuntut untuk dikemukakan kepada pihak universiti bagi tujuan pengesahan.
12. Wakil penuntut akan mengumpul dan menyemak semua borang permohonan sebelum dihantar ke Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman.

**CARTA ALIR PERMOHONAN DERMASISWA MELANJUTKAN  
PENGAJIAN KE INDONESIA (IAIN)**

